

Jabatan Audit tidak sorok fakta

ROSILAWATI ROSEDI

KUANTAN - Jabatan Audit Negara menjelaskan pihaknya tidak menyembunyikan sebarang fakta berkaitan dengan Laporan Audit Negara yang akan dibentangkan di Parlimen tidak lama lagi.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, jika benar jabatan berkenaan cuba melindungi kepentingan kerajaan, sudah tentu skandal membabitkan Pusat Fidlot Kebangsaan (NFC) tidak didedahkan.

Menurutnya, pengauditan dilakukan dengan jelas dan tiada beza sama ada ia kerajaan negeri dikuasai kerajaan ataupun pembangkang.

"Kita perlukan masa un-

tuk membentangkannya seperti yang sudah dijelaskan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz sebelum ini," katanya dalam sidang media selepas perasmian Hari Audit SeMalaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2012 di sini, semalam yang disempurnakan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Diraja Adnan Yaakob.

Beliau berkata sedemikian diminta mengulas berhubung kritikan daripada pemimpin pembangkang yang mendakwa pembentangan laporan tersebut ditangguhkan.

Sebelum ini, penasihat DAP yang juga Ahli Parlimen Ipoh Timur, Lim Kit Siang menulis dalam blognya meminta

laporan audit dibentangkan di Parlimen segera tanpa sebarang penangguhan.

Dalam blognya juga, Kit Siang mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Mohamed Nazri takut jika laporan tersebut didedahkan.

Dalam perkembangan lain, Ambrin berkata, mana-mana pihak terlibat dalam menyalurkan bantuan segera kepada mangsa bencana atau peristiwa luar jangka seperti banjir perlu memahami dan ikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Jabatan Audit Negara.

"Kita fleksibel tetapi pegawai terlibat kena faham SOP di mana mesti ada rekod, jadi kita tahu dari mana duit itu datang dan pergi," katanya.



Adnan melihat buku yang diterimanya sambil diperhatikan Ambrin (dua,kiri) dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail (kiri).